

02/07/2001

Belia 4B turut desak Dr Anuar letak jawatan

MELAKA, Ahad - Gerakan Belia 4B Malaysia menyertai Puteri Umno mendesak Naib Canselor Universiti Malaya (UM), Datuk Dr Anuar Zaini Mohd Zain meletakkan jawatan kerana bertanggungjawab sepenuhnya terhadap beberapa insiden buruk, termasuk kebakaran Dewan Tunku Canselor (DTC) universiti itu.

Keputusan itu dicapai dalam mesyuarat Exco 4B yang dipengerusikan Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Mohd Rustam sebagai Presidennya di sini, semalam.

Mohd Ali berkata, Dr Anuar Zaini sewajarnya meletakkan jawatan kerana gagal mentadbir UM dengan cekap sehingga banyak kegiatan tidak harmoni di pusat pengajian tinggi itu, termasuk menjadi terkenal sebagai lubang kegiatan parti pembangkang.

Katanya, penuntut UM dibiarkan memaki hamun pemimpin negara, termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan membiarkan isu kafir mengkafir.

"Sepatutnya tindakan diambil termasuk tatatertib terhadap penuntut terbabit tetapi dibiarkan dipergunakan parti pembangkang," katanya kepada pemberita selepas merasmikan perhimpunan patriotisme dan seminar wawasan 2020 anjuran Belia 4B kawasan Selandar di Dewan Kasturi, Selandar dekat sini, hari ini.

Turut hadir ialah Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Datuk R Raghavan.

Katanya, ada pula pensyarah yang bersengkongkol serta berpakat dengan parti pembangkang menganjurkan kegiatan untuk menjatuhkan kerajaan.

Selain itu, katanya, ada penuntut yang melaporkan mengenai pengedaran risalah anti kerajaan kepada pengawal keselamatan tetapi tiada tindakan diambil.

"Sepatutnya Dr Anuar Zaini menangani masalah penuntut ini dengan segera supaya tidak bertindak ganas sehingga menyebabkan kerugian besar.

"Penuntut ini sepatutnya sudah dikenakan tindakan tegas, termasuk dibuang dari universiti," katanya.

Sementara itu, Pergerakan Pemuda Umno Selangor juga meminta pihak pentadbiran UM bertindak tegas terhadap pelajar atau kakitangan UM jika didapati terbabit dalam kes kebakaran DTC itu.

Ketua Pemudanya, Ahmad Nawawi Mohd Zin, berkata identiti mereka yang terbabit dalam kesalahan itu perlu didedahkan kepada umum sebagai satu pengajaran kepada generasi akan datang.

Ini kerana katanya, perbuatan bacul serta tidak bertamadun itu didapati bertujuan mengheret sama pelajar lain di universiti tertua di negara ini ke kancah politik yang didalangi pihak bertanggungjawab.

"Pihak pentadbiran UM mesti memastikan pusat pengajian itu menjadi universiti contoh dalam usaha melahirkan cendekiawan yang bukan saja pintar tetapi tahu berbudi dan membalas budi," katanya dalam kenyataan akhbar, di sini, hari ini.

Dalam kenyataan berasingan, Majlis Belia Malaysia (MBM) meminta pemimpin kerajaan lebih mendekati golongan muda khususnya mahasiswa dengan mengadakan lebih banyak dialog dan perbincangan bagi memahami aspirasi dan mendapat maklum balas golongan terbabit.

Naib Presiden MBM, Norizan Sharif, berkata melalui cara itu, mereka (mahasiswa) mempunyai platform untuk menyampaikan pendapat secara sihat sekali gus mengelakkan mereka membantah dan membangkang melalui kegiatan

merugikan.

"Generasi muda merasa peranan mereka tidak dihargai, isu mereka tidak diketengahkan dan pendapat mereka tidak dilayan. Melalui dialog, pemimpin boleh memberi penjelasan mengenai isu semasa serta masalah kerajaan dalam menguruskan negara.

"Program yang banyak ucapan dan ceramah tanpa memberikan mereka masa menyampaikan pendapat tidak disukai oleh golongan muda. Sepatutnya mereka (kerajaan) lebih terbuka," katanya.

(END)